



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

SETAHUN MENYANTUNI RAKYAT

Putrajaya, 10 Mac – Hari ini genap setahun YB Datuk Seri Rina Mohd Harun dan YB Dato' Hajah Siti Zailah Mohd Yusof menerajui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

YB Datuk Seri Rina dalam ucapannya sempena perhimpunan bulanan KPWKM yang diadakan di Dewan Perdana Nur pada hari ini telah merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh tenaga kerja Kementerian kerana memberikan komitmen yang tinggi kepada tanggungjawab yang diamanahkan untuk berkhidmat kepada rakyat meskipun berhadapan dengan cabaran akibat pandemik COVID-19.

Menurutnya, KPWKM telah berjaya menguruskan pengagihan bakul makanan kepada kumpulan sasaran yang terkesan akibat penularan COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Hampir 3,300 orang warga kerja atau 47% daripada keseluruhan kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) digerakkan bagi mengagihkan 1 juta bakul makanan di seluruh negara dan ia telah memberi manfaat kepada lebih 4 juta orang.

Selain itu, beliau turut menyentuh mengenai keprihatinan Kerajaan hari ini menerusi pelbagai Pakej Rangsangan Ekonomi sama ada di bawah PENJANA, PRIHATIN dan PERMAI. Kesemua inisiatif ini telah mengambil kira kelangsungan hidup kumpulan sasaran KPWKM termasuk kenaikan bantuan-bantuan kewangan seperti Bantuan Warga Emas, Bantuan OKU, Bantuan Pesakit Kronik Terlantar, Elaun Pekerja OKU, dan Bantuan Kanak-Kanak. Bantuan Khas Ibu Tunggal (BKIT) yang diselia oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) juga diberikan kepada wanita-wanita yang terkesan oleh pandemik COVID-19 di negara ini.

KPWKM turut menyatakan komitmen untuk terus membantu golongan yang amat memerlukan serta akan mengambil tindakan proaktif dan agresif untuk mendayaupayakan penerima-penerima bantuan ini supaya dapat dikeluarkan daripada kemiskinan, dan seterusnya meningkatkan keberkesanan bantuan-bantuan Kerajaan.

Pendekatan merakyatkan perkhidmatan turut diaplikasikan melalui Program Kembara Prihatin Negara (KPN) yang merupakan salah satu inisiatif menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat di peringkat akar umbi. Sehingga 8 Mac 2021, sebanyak 789 program telah dilaksanakan oleh JKM di 124 daerah yang melibatkan pelbagai agensi Kerajaan, 145 Badan Bukan Kerajaan (NGO), 57 entiti sektor korporat dan 1,767 sukarelawan. Program ini telah menguruskan 10,605 aduan dan memberikan manfaat kepada 141,159 klien.

KPWKM juga telah memperkasakan perkhidmatan sokongan psikosial dengan menambahbaik Talian Kasih 15999 melalui penyediaan Tele-Kaunseling yang turut melibatkan sukarelawan dikalangan kaunselor-kaunselor berdaftar di bawah kelolaan Lembaga Kaunselor. Tindakan proaktif turut dilaksanakan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dengan memulakan usaha meningkatkan ketahanan keluarga mendepani cabaran pasca Covid-19 dengan pelaksanaan program khusus melalui pemerksaan komuniti dalam membantu pengukuhan institusi keluarga, memperkukuh khidmat sokongan keluarga serta meningkatkan aksesibiliti kepada pendidikan kekeluargaan dan keibubapaan.

Sepanjang setahun pentadbiran di KPWKM, YB Datuk Seri Rina selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Kebajikan Negara (YKN) telah mengamalkan konsep *Corporate Shared Value* (CSV) untuk mendapatkan komitmen pelbagai pihak khususnya sektor korporat supaya menyumbang kepada rakyat yang memerlukan. Pendekatan ini telah membuahkan hasil apabila YKN berjaya menguruskan sumbangan berjumlah RM34.1 juta yang diterima daripada 42 entiti yang merangkumi syarikat korporat dari pelbagai sektor, NGO dan orang awam berbanding RM4.4 juta pada tahun 2019.

Dalam majlis ini juga YB Rina telah melancarkan Pelan Strategik KPWKM bagi tempoh 2021-2025 yang mengandungi lapan teras utama iaitu memperkasa wanita, memperkukuh institusi keluarga, melindungi dan membangun kanak-kanak, memantapkan persekitaran kondusif warga emas, memperkasa Orang Kurang Upaya, meningkatkan kemandirian Kumpulan Khusus, meningkatkan keterlihatan negara di peringkat antarabangsa, dan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan. Pelan strategik ini akan menjadi rujukan utama bagi menetapkan hala tuju perkhidmatan yang disediakan oleh KPWKM dalam setiap penggubalan dasar, pembangunan pelan dan perancangan program/aktiviti untuk rakyat.

###

Disediakan oleh	Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)
No. Telefon	03-8323 1088
Tarikh dikeluarkan	10 Mac 2021